

Mahathir bidas tindakan negara2 Barat

U.P. 20 JUL 1991

KUALA LUMPUR 19 Julai — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad membidas cubaan negara-negara Barat menjadikan soal hak asasi manusia sebagai satu lagi bentuk sekatan dan tekanan ke atas ekonomi negara-negara di rantau ini.

Beliau berkata, apabila isu hak asasi kemanusiaan dihubungkan dengan perdagangan, pelaburan dan kewangan ia dengan jelas memberi gambaran bahawa ini adalah satu bentuk halangan atau tekanan ke atas negara sedang membangun untuk berurusan dengan Barat.

"Kita ingin persoalkan apakah tindakan mereka mengaitkan soal hak asasi dengan soal dagangan lebih kepada soal politik dan prinsip ataupun kerana didorong oleh satu bentuk tekanan baru," ujar beliau ketika berucap merasmikan pembukaan mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN di sini pagi ini.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, Barat memberitahu rantau sebelah sini bahawa kebebasan demokrasi dan hak asasi kemanusiaan merupakan asas kepada pembangunan sosial dan ekonomi.

"Tetapi kami, negara-negara ASEAN bagaimanapun tidak setuju bahawa demokrasi hanya mempunyai satu definisi dan hanya dianggap sebagai demokratik jika bersesuaian dengan satu kehendak sahaja.

"Begitulah juga, norma-norma kemanusiaan berlainan dari satu masyarakat ke masyarakat yang lain dan dari semasa ke semasa di kalangan masyarakat itu sendiri," katanya.

Kelihatan prihatin

Kini, kata Dato' Sri Dr. Mahathir, Malaysia sedang menghadapi satu petisyen daripada tabung mengenai hak asasi, Pendidikan dan Penyelidikan Antarabangsa (ILRERF) yang mendesak supaya Sistem Keutamaan Am (GSP) Malaysia ditarik balik.

Beliau berkata, ini bukanlah pertama kali Malaysia menghadapi tekanan seperti itu kerana sebelum inipun Persekutuan Buruh Amerika - Kongres Pertubuhan Industri (AFL-CIO) turut mendesak melalui petisyen yang sama.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, pertubuhan-pertubuhan ini sememangnya kelihatan prihatin ke atas masalah kemanusiaan dan kebajikan pekerja di Malaysia tetapi dengan bertindak demikian dan sekiranya GSP Malaysia ditarik balik, ia samalah seperti mengancam pelaburan negara ini dan menyebabkan berlakunya pengangguran.

Beliau menegaskan, tidak ada siapa pun yang berhak mendakwa bahawa mereka mempunyai kuasa untuk menentukan apakah yang baik untuk semua negara dan manusia di dunia ini.

Katanya, mereka sebaliknya haruslah menerima hakikat bahawa kerajaan di negara sedang membangun sememangnya berhadapan dengan masalah untuk mengimbangi asas-asas pembangunan ekonomi negara dengan kumpulan pendesak dan oleh itu tidak seharusnya mengambil masalah ini sebagai asas untuk mengatakan tiadanya hak asasi kemanusiaan di rantau ini.

"Pada pengalaman ASEAN, kami telah belajar bahawa keamanan dan keselamatan, kebebasan dan demokrasi serta kestabilan hanya bermakna apabila masyarakat itu sendiri bebas dari belenggu tekanan ekonomi," tegas beliau.

Perdana Menteri menambah kata, sebenarnya

Laporan sekitar mesyuarat para Menteri Luar ASEAN oleh: Rosli Ismail, Rozaid A. Rahman, Badrul Azhar Rahman, Zaharuddin Ali, Gamal Nasir, Hanafiah Man, Zulkifli Hamzah dan Baharom Mahusin.

Jurugambar: Azlan Naim, Kadir Bachok, Hanafi Khamis dan Mohd. Ali Ismail.



negara-negara ASEAN telah berjaya mengekalkan kestabilan politik dengan memberi keseimbangan yang wajar di antara hak-hak individu dan kehendak-kehendak masyarakat pada keseluruhannya.

Menyentuh peranan ASEAN pada masa hadapan, beliau berkata, hanya ASEAN yang bersatu dan kuat sahaja yang akan dapat menentukan order baru di peringkat yang lebih luas.

"ASEAN mempunyai peranan yang besar untuk dimainkan dalam hubungan antarabangsa dan juga dalam mempertingkatkan kejasamaan ekonomi sesamanya," ujar beliau.

Katanya lagi, dalam keadaan yang tidak menentu selepas kuasa-kuasa besar menamatkan persaingan mereka di rantau ini, ASEAN perlu mengkaji secara bersarna faedah-faedah yang dapat dinikmati daripada rantau strategik yang baru ini.

Tambah beliau, di Asia Tenggara sendiri, ASEAN perlu memikirkan cara yang terbaik bagaimana negara bukah anggota boleh dibawa masuk ke dalam arus kepentingan yang sama.

Dalam ucapannya, Dato' Sri Dr. Mahathir juga mengalu-alukan kesediaan China dan Soviet Union untuk menjadi rakan dialog ASEAN.

"Kini dengan kesediaan China dan ASEAN dan begitu juga Soviet Union duduk semeja dalam satu persidangan, nampaknya halangan ideologi di antara kita telah dapat dipecahkan. Oleh itu marilah kita bekerjasama ke arah hubungan yang lebih baik demi kepentingan keamanan dan keselamatan di rantau Asia Pasifik," ujar Dato' Sri Dr. Mahathir.